

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JOGATHON/WALKATHON BAKTI
Lokasi : DEWAN BERKUASA PARLIMEN
Tarikh : 20-10-1996

1. Syukur alhamdulillah kita telah sempurnakan jogathon Badan Kebajikan dan Amal Tenaga Isteri- isteri (BAKTI) dengan selamat hasil kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'la. Cuaca pun baik dan semua peserta enam tahun hingga ke lebih 60 tahun telahpun selamat balik ke pengkalan Dataran Parlimen.
2. BAKTI telah adakan walkathon yang terakhir pada tahun 1990. Sejak itu, BAKTI telah menganjurkan jamuan makan malam sebagai projek amal pada tahun 1992 dan 1994. Dalam majlis-majlis itu, keluarga tidak bersama kerana majlis tamat lewat malam.
3. BAKTI ketahui bahawa keluarga BAKTI amat gembira dengan upacara yang melibatkan mereka bersama seperti dalam walkathon-walkathon pada tahun- tahun yang lampau. Oleh itu, dan oleh kerana BAKTI ingin menggalakkan Hari Keluarga, BAKTI telah bersetuju mengadakan jagathon/walkathon kali ini, supaya ibu, bapa dan anak cucu dapat berkenal semula dan berkawan dengan keluarga-keluarga lain.
4. Pada tahun 1994, BAKTI telah mengutip RM11 juta derma sepanjang tahun hingga ke malam kemuncaknya pada majlis Jamuan Makan Malam. Lebih RM8 juta didermakan balik kepada masyarakat sebagai sumbangan BAKTI - yang daif, yang cacat, yang sakit, yang cerdik tetapi tidak mampu bersekolah dan institusi- institusi perubatan dan pendidikan semua mendapat sedikit sebanyak sumbangan BAKTI. Dalam enam bulan ini sahaja, 25 motosikal untuk orang cacat dibiayai oleh BAKTI dan pada bulan depan ini pula, hampir 300 murid-murid sekolah rendah, menengah dan tingkatan tinggi seluruh negara akan menerima dermasiswa bagi tahun 96/97.
5. Banyak lagi boleh disebut mengenai sumbangan- sumbangan yang telah dibuat oleh BAKTI tetapi memadailah untuk meyakinkan hati para dermawan yang budiman bahawa derma ikhlas tuan-tuan dan puan-puan diberi tepat kepada target (sasaran) yang ditujukan. BAKTI amat faham dan memegang teguh amanah yang diberikan kepada BAKTI.
6. Oleh demikian, tujuan mengadakan jogathon/walkathon ini adalah untuk mengisi semula tabung kebajikan BAKTI supaya ia terus dapat membantu golongan-golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita.
7. Saya sanjung tinggi dan berterima kasih kepada masyarakat umum dan pihak swasta, ahli-ahli korporat dan individu-individu yang menghulurkan derma ikhlas sepanjang masa tanpa rayuan rasmi daripada BAKTI.

Kadangkala BAKTI berasa segan-malu berjumpa dengan rakan-rakan korporat kerana kami mungkin dianggap suka meminta-meminta setiap kali berjumpa. Tidak ada muka lain, muka itu sahaja! Tidak ada cerita lain, minta derma sahaja! Tetapi, kalau tidak rakan- rakan dalam korporat, siapa lagi yang berhati penyayang, prihatin, murah hati menghulurkan derma tanpa syarat-syarat, melainkan tuan-tuan dan puan- puan. Yakinlah, "you only need to ask for our financial reports to see where your money has gone or whether our targets are met or not. BAKTI is very much honoured and privileged to always be in your list of charity organisations. We treasure the trust that you have in us and we know that you donate regularly to BAKTI in the spirit of charity. That is charity at its highest. Thank you very much.

8. Saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak baik Kerajaan mahupun bukan Kerajaan, perseorangan ataupun berkumpulan, yang memberi nasihat, panduan dan pertolongan bagi menjayakan jogathon/walkathon ini.

Senarai nama atau agensi mereka dicatatkan dalam Buku Cenderamata, namun saya ucapkan terima kasih dengan ikhlas atas sumbangan tenaga, masa, sumbangan makanan, hadiah-hadiah cenderamata serta kehadiran mereka sendiri dalam membantu mengelolakan upacara pada hari ini.

9. Tidak ketinggalan saya sanjung tinggi kehadiran dan penyertaan pihak suami Ahli-ahli BAKTI yang jarang-jarang sekali bersama dalam aktiviti keluarga beramai-ramai seperti hari ini. Sekali-sekala perlu para suami menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh para isteri bukan sahaja untuk memberi perangsang kepada kami tetapi sebagai peluang untuk kami meyakinkan hati suami atas kegiatan sihat dan amal bakti yang kami jalankan untuk masyarakat.

Ketiadaan masa memang akan berterusan tetapi sekali- sekali itu eloklah bersama. Terima kasih banyak dari BAKTI yang setia kepada suami yang tersayang.

10. Pada Hari Keluarga ini, BAKTI menjemput anak- anak dan cucu-cucu ahli-ahli untuk memberi persembahan. Seperti yang kita lihat sebentar tadi, mereka telah menunjukkan bakat mereka dengan cemerlang. Terima kasih, permata-permata bonda dan cahaya-cahaya mata tok.

11. Pada bulan Ogos lalu, ahli-ahli BAKTI telah bersungguh-sungguh berlatih dan bersedia untuk menyertai perlawanan kejohanan Piala Pusingan Perdana 1996 di Kuala Terengganu. Hasil gigih itu ialah BAKTI menjadi Naib Johan. Sejak balik dari Terengganu, ahli-ahli BAKTI bersedia pula untuk projek Jogathon ini. Di bawah pengerusinya, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Wan Azizah, Jawatankuasa Projek Amal telah bersungguh-sungguh berkerja keras mengaturkan acara jogathon/walkathon hinggalah ke kemuncaknya hari ini.

12. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Datin Seri Dr. Wan Azizah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecilnya. Bukan sahaja mereka bertanggungjawab atas tugas masing-masing tetapi sempat juga berjalan dan menyertai persembahan. Kesemuanya ini atas nama BAKTI. Syabas dan terima kasih.

13. Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak BAKTI mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua hadirin yang saya hormati.

14. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'la sahaja membalas budi baik tuan-tuan dan puan-puan dan semoga Allah memberkati juga perjumpaan kita ini, insya Allah.